

Syabu RM11.3 juta dirampas

Oleh NUR AMALINA AZMAN

LANGKAWI – Cubaan dua suspek dipercayai warga Thailand untuk menyeludup syabu mampat dianggarkan bernilai RM11.3 juta berjaya dipatahkan Maritim Malaysia (APMM) dalam Ops Eagle Eye di kedudukan 2.3 batu nautika timur laut Tanjung Kemarong dekat sini, Jumaat lalu.

Pengarah Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim, Mohd. Zawawi Abdullah memberitahu, syabu seberat kira-kira 56.5 kilogram (kg) itu cuba diseludup dari negara jiran yang menjadikan perairan Langkawi sebagai transit antarabangsa bagi aktiviti penyeludupan dadah.

“Bot Kilat APMM berjaya mengesan pergerakan mencurigakan sebuah bot kayu dengan dua orang suspek dari sempadan negara jiran melalui perairan berdekatan Tanjung Kemarong kira-kira pukul 1 pagi, Jumaat lepas.”

“Anggota cuba mengejar bot berkenaan hampir 40 minit sebelum kedua-dua suspek bertindak nekad dengan terjun ke dalam laut,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Jalan Bukit Malut di sini semalam.

Menurutnya, APMM kemudian berjaya menghentikan bot terse-



MOHD. ZAWAWI (dua dari kanan) menunjukkan sebahagian dadah jenis syabu yang dirampas di Ibu Pejabat Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Jalan Bukit Malut, Langkawi semalam.

but dan hasil pemeriksaan menemui dua begasi hitam disorok di bawah pukut dan batang kayu di bahagian hadapan bot itu.

“Pemeriksaan lanjut ke atas dua begasi itu menemui 51 bungkusan teh cina yang dibalut plastik lutsinar mengandungi hablur berwarna putih disyaki dadah jenis syabu,” ujarnya.

Menurut Mohd. Zawawi, operasi mencari dan menyelamatkan

diaktifkan apabila usaha anggota Bot Kilat mencari dua suspek yang terjun ke dalam laut tidak ditemui ekoran cuaca buruk selain laut bergelora.

“Operasi masih diteruskan kerana kedua-dua suspek dipercayai warga Thailand masih belum ditemui sehingga hari ini (semalam),” jelasnya.

Tambahnya, rampasan itu melibatkan nilai dadah paling

tinggi untuk APMM Negeri Kedah dan Perlis pada tahun ini dengan jumlah keseluruhan rampasan dadah yang cuba diseludup sebanyak RM14.4 juta.

“Hasil rampasan dan bot suspek dibawa ke Jeti APMM di Bukit Malut dan akan disiasat mengikut Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952 serta Seksyen 307 dan Seksyen 186 Kanun Keseksaan,” jelasnya.